



KERATAN AKHBAR / NEWSPAPER CUTTING

UUM/AA64/BH/03.01.2023/8:6 (2-5)

Henti budaya 'buli' Ahli Parlimen pembangkang

BH, 03/01/2023, M/s 6, (2-5) Nasional

**Wakil rakyat
patut dilayan
sebagai saingan
profesional,
berhak dapat
peruntukan**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bhn.com.my

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen pembangkang perlu dilayan sebagai saingan profesional, manakala budaya politik 'membuli' mereka dengan tiada diberikan peruntukan, tidak harus dijadikan amalan dalam pentadbiran kini.

Setiap Ahli Parlimen perlu diberikan hak masing-masing, termasuk peruntukan sewajarnya tanpa mengira sama ada wakil rakyat kerajaan mahupun pembangkang.

Penganalisis politik Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Rusdi Omar, berkata budaya politik membuli pembangkang dengan tidak diberikan peruntu-

kan, tidak seharusnya dipraktikkan lagi.

"Sepatunya, sebagai Ahli Parlimen, mereka perlu diberi hak masing-masing. Tidak boleh hanya kerana menjadi pembangkang, hak mereka dinafikan.

"Kalau buat macam itu, ia akan memberi kesan negatif kepada kerajaan sedia ada, seolah-olah tidak percaya kepada Ahli Parlimen (tidak diberi peruntukan dan melantik penyelar Parlimen)," katanya kepada BH.

Shahidan dakwa tak adil

Media sebelum ini melaporkan, Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri

Dr Shahidan Kassim, mendakwa kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak memberi peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang.

Menyifatkannya sebagai tidak adil, Shahidan bagaimanapun berkata, beliau akan membuat perbincangan dengan pihak berkenaan bagi memastikan isu berkaitan peruntukan dapat diselesaikan.

Mengulas lanjut, Rusdi berkata, kerajaan perlu mengelak daripada mengulangi budaya politik yang dilihat pernah diamalkan pentadbiran sebelum ini, terutama ketika Perdana Menteri

Kalau buat macam itu, ia akan memberi kesan negatif kepada kerajaan sedia ada, seolah-olah tidak percaya kepada Ahli Parlimen (tidak diberi peruntukan dan melantik penyelar Parlimen)

Rusdi Omar,
Penganalisis politik UUM



berusaha melaksanakan reformasi institusi.

"Janganlah kita mengulangi apa yang pernah dilakukan sebelum ini, supaya kita boleh melihat blok pembangkang yang benar-benar dapat memberi semak dan imbang kepada kerajaan.

"Saya juga kurang bersetuju jika penyelar Parlimen dilantik," katanya.

Tunjuk contoh baik

Sementara itu Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Mujiu Abd Muis, berkata kerajaan perlu menunjukkan contoh baik dengan tidak menafikan reformasi institusi yang membawanya.

Beliau menjelaskan, antara reformasi berkenaan ialah melayan pembangkang sebagai saingan profesional.

"Jika tidak diberi peruntukan, ia bukan saja menganiayai rakyat yang memilih (Ahli Parlimen) tetapi juga menafikan hak serta kepentingan kawasan itu.

"Selain itu, ia boleh memberi tanggapan tidak baik terhadap kerajaan. Saya berpandangan jika dakwaan Shahidan itu benar, ia adalah budaya politik yang tidak baik," katanya.